

Dr. M dedah taktik kotor kempen Pas fitnah dirinya

UM 25 JUL 2002

KUALA LUMPUR 24 Julai -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan taktik kotor Pas mendedarkan pelbagai risalah dan poster bagi memfitnahnya sepanjang kempen pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit minggu lalu.

Perdana Menteri berkata, antara yang diedarkan ialah risalah yang mendakwa beliau memaki Allah.

"Sementara yang kata Allah samseng adalah Nik Aziz (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mursyidul Am Pas), yang ini (risalah) kata kononnya pemimpin UMNO yang maki Allah.

"Nik Aziz yang kata Allah maha samseng tetapi mereka cuba putar kononnya saya yang kata Allah samseng," katanya sambil menunjukkan risalah tersebut.

Perdana Menteri mendedahkan taktik Pas itu

dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Date Onn hari ini.

Dr. Mahathir turut menyelar tindakan Pas yang mencetak poster-poster yang menyindirnya dengan menunjukkan beliau berseluar pendek tetapi mendakwa pejuang Islam.

"Ini gambar saya pakai seluar pendek, (tetapi) saya tak tau kaki siapa. Badan saya tetapi kaki orang lain tu.

"Kononnya saya kata 'Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Nik Aziz bukanlah ulama sebenar dan Haji Hadi (Datuk Abdul Hadi Awang, Pemangku Presiden Pas) pula seorang penipu... sayalah pejuang Islam sebenar, lihatlah diri saya' dan tunjuk gambar inilah seluar pendek," katanya.

Tambahnya, poster itu juga seolah-olah cuba menggambarkan lelaki yang berseluar pendek tidak Islam sedangkan ada orang dari Arab Saudi dan Kuwait yang berpakaian sedemikian seperti pemain bola sepak.

"Semua orang kafirlah tu, yang Islam cuma Nik Aziz dengan Haji Hadi sahaja," perli beliau.

Selain itu, Dr. Mahathir turut menipukan poster yang mendakwa undang-undang jenayah Pas tidak menzalimi wanita sedangkan perkara sebaliknya berlaku.

"Wanita yang dirogol akan dihukum tetapi yang merogol tidak dihukum, ini tidak adil (sedangkan) tidak ada yang tidak adil dalam Islam, bukan seperti undang-undang jenayah Pas," tegas beliau.